



Rujukan Kami :JPA(S)(K)134/8/59Klt.2(51)
Tarikh : 2 Disember 2008

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan / Puan,

URUSAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN-JAWATAN KUMPULAN SOKONGAN, PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN DI BAWAH KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI-PEGAWAI DI SEMENANJUNG MALAYSIA, SABAH DAN SARAWAK

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan ini sedang menyelaras urusan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai yang memangku antara **1 Jun 2008 hingga 30 Julai 2008 dan telah menyempurnakan pemangku** bagi jawatan-jawatan seperti berikut:

- i. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 dan N26; dan
- ii. Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22 dan W26.

3. Pegawai-pegawai yang memangku **Bukan Dengan Tujuan Naik Pangkat (BTNP)** sejak tahun 2005/2006 dan telah memenuhi syarat tetapi belum diberi kenaikan pangkat juga layak dipertimbangkan dalam urusan ini.

4. Bagi menyempurnakan urusan tersebut, Jabatan ini memohon kerjasama pihak tuan/puan untuk menyediakan maklumat-maklumat berikut:

- i. Salinan sah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 2005, 2006 dan 2007 (bagi pegawai yang memangku BTNP) atau salinan sah LNPT 2006, 2007 dan Laporan Nilaian Prestasi Khas (bagi pegawai yang memangku antara 1 Jun 2008 hingga 30 Julai 2008);
- ii. Melengkapkan borang pengesahan dan perakuan Ketua Jabatan seperti di **Lampiran A**; dan
- iii. Melengkapkan Surat Akuan Pinjaman Pendidikan Institusi/Tabung Pendidikan seperti di **Lampiran B**.

5. Sebarang pertanyaan bolehlah dirujuk kepada pegawai-pegawai berikut di talian/e-mel:

- | | | |
|------|---|-------------|
| i. | Encik Ahmad Fauzi bin Idris
afauzi@jpa.gov.my | 03-88854102 |
| ii. | Puan Zainon binti Shaari
zainons@jpa.gov.my | 03-88854353 |
| iii. | Cik Kartika Khairunnisa binti Kamisan
kartika.kamisan@jpa.gov.my | 03-88854278 |
| iv. | Cik Azrina binti Adnan
azrina.adnan@jpa.gov.my | 03-88854278 |

6. Dokumen-dokumen tersebut hendaklah dikemukakan **selewat-lewatnya pada 31 Disember 2008** ke alamat berikut:


Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Perkhidmatan
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Aras 6, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Ahmad Fauzi bin Idris)

7. Kerjasama tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(ABDUL RAHIM BIN ISHAK)
Timbalan Pengarah
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

Tel: 03-88854110
E-mel: rahim.ishak@jpa.gov.my

LAMPIRAN A

**SURAT PERAKUAN KETUA JABATAN BAGI TUJUAN
PENGESAHAN KENAIKAN PANGKAT KUMPULAN SOKONGAN
GUNASAMA PERSEKUTUAN**

1. Saya mengesahkan bahawa
No.K/Pjawatan.....
memangku gredmulai.....
telah mematuhi perkara-perkara berikut :-
 - (a) Bebas dari hukuman / tindakan tatatertib ;
 - (b) telah mengisyiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
 - (c) lulus tapisan Badan Pencegah Rasuah ; dan
 - (d) lulus semua Penilaian Tahap Kecekapan yang ditetapkan
2. Dengan ini saya ***memperakukan / tidak memperakukan** kenaikan pangkat bagi pegawai ini.

.....
Tandatangan Ketua Jabatan

Nama :

Jawatan :

Cop Jabatan :

Tarikh :

**potong mana yang tidak berkenaan.
/izariz(surat naik pangkat)*

Kepada:

Ketua Perkhidmatan / Ketua Jabatan

**SURAT AKUAN
PINJAMAN PENDIDIKAN / TABUNG PENDIDIKAN**

Saya No. K.P: mengesahkan bahawa:

Saya tidak ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mana-mana institusi / tabung pendidikan;

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai tarikh..... hingga sebanyak RM..... dan mulai tarikh hingga sebanyak RM..... Saya mengesahkan masih belum membuat bayaran;

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai tarikh..... hingga sebanyak RM..... dan pada masa ini sedang membuat pembayaran secara bulanan melalui pembayaran tunai/ potongan gaji mulai ;

Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mulai tarikh..... hingga sebanyak RM..... dan saya telahpun menyelesaikan sepenuhnya pinjaman pada

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa pengisytiharan yang dinyatakan di atas adalah benar. Sekiranya tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah peraturan 4 (f) dan Peraturan 4 (g), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

.....
Tandatangan Pegawai

Nama :

Jawatan :

Alamat Pejabat :

Tarikh :